

UM - 3/12/2020

m/s: 36

Jual beli buku terpakai di MPH

KUALA LUMPUR: MPH Bookstores Sdn. Bhd. (MPH) akan melancarkan program jual beli buku terpakai untuk memupuk minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Program itu juga bagi membantu pencinta buku mencari pembaca baharu bagi bahan bacaan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif MPH Group, Donald Kee berkata, pelancaran program itu juga menepati kehendak rakyat yang terkesan dengan ekonomi semasa, dan dalam masa sama ingin memiliki buku terlaris pada harga mampu milik.

"MPH akan membeli buku-buku terpakai yang mendapat sambutan hangat atau terlaris untuk dijual semula di laman sesawang jualan gudang MPH.

"Buku yang dibeli melalui program ini akan melalui proses sanitasi dan kuarantin selama 14 hari sebelum dijual semula. Orang ramai boleh mengunjungi kedai MPH Mid Valley dan MPH NU Sentral untuk menjual buku di kaunter perkhidmatan pelanggan," katanya dalam kenyataan semalam.

Lee berkata, melalui program pembelian balik buku itu, MPH ingin menggalakkan para pembaca mencari bahan bacaan, sama ada untuk memenuhi masa santai atau un-

tuk meningkatkan pembelajaran serta kemahiran mereka.

Jelasnya, penjual buku terpakai akan menerima baucar buku dan menikmati penjimatan pada pembelian seterusnya, sementara pembeli buku terpakai akan menikmati lebih banyak potongan harga dari harga jualan sebenar.

"Dengan program ini, para pencinta buku dapat memastikan buku-buku yang mereka gemari dahulu akan sampai ke tangan pencinta buku lain yang akan menghargai buku-buku tersebut.

"Kami juga akan memastikan bahawa komuniti pencinta buku akan menikmati lebih banyak penjimatan apabila mereka menyerahkan buku-buku terpakai mereka, atau ketika mereka membeli buku terpakai melalui laman web kami," katanya.

Buku-buku terpakai akan dijual semula di www.mph-warehouseclearance.com dengan potongan 50 peratus daripada harga runcit yang disyorkan.

Orang ramai juga bakal menikmati penghantaran percuma dengan perbelanjaan minimum RM300 dan tambahan potongan 10 peratus untuk pembelian melebihi RM200. Mereka juga boleh mengambil pesanan anda di cawangan MPH NU Sentral tanpa bayaran tambahan.